

300 aduan harga barang mahal - PPIK



Dr Mohd Fared (gambar kecil) mendapat aduan mengenai kenaikan harga barang di kedai runcit.

Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

HAMPIR 300 aduan diterima berhubung kenaikan harga barang dapur dijual di kedai runcit di seluruh Kelantan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Yang Dipertua Persatuan Pengguna Islam Kelantan (PPIK), Datuk Seri Dr Mohd Fared Abdul Ghani berkata, aduan itu kebanyakannya membabitkan kedai runcit di sekitar Kota Bharu milik bukan warga tempatan yang menjual barang dapur dengan harga agak mahal.

"Kebanyakannya dimiliki warga Pakistan dan Aceh yang dikenalpasti mengambil kesempatan menjual barang keperluan harian dengan harga melampau.

"Ini memberi tekanan kepada penduduk sekitar terutama orang kampung yang terpaksa membeli barang dapur dari kedai runcit berkenaan kerana pasar raya terletak melebihi jarak 10 kilometer dari rumah mereka," katanya pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan barang keperluan makanan kepada pengamal media di pejabat The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Kota Bharu, hari ini.

Mohd Fared berkata, pihaknya mengenalpasti 50 kedai runcit dimiliki warga asing secara keseluruhan yang kebanyakannya menjual barangan dengan harga agak tinggi antara 20 hingga 30 peratus berbanding kedai biasa.

Beliau berharap pihak berkuasa dapat membuat pemantauan berkaitan perkara itu bagi mengelakkan orang ramai terus tertindas dalam situasi tidak menentu sekarang ini.

"Kami hanya mampu menegur dan menerima aduan daripada pengguna sahaja manakala pelaksanaannya di pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"KPDNHEP wajar memantau dan mengambil tindakan ke atas premis yang tidak menepati ketetapan harga kawalan dan menjual pada harga tinggi," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/573546/300-aduan-harga-barang-mahal-ppik>

Artikel ini disiarkan pada : **Jumaat, 1 Mei 2020 @ 10:26 PM**

